

METHODS OF DISTRIBUTION OF ESTATE INHERITANCE IN MUNĀSAKHĀT CASE

KAEDAH AGIHAN BAHAGIAN HARTA PUSAKA DALAM KES *MUNĀSAKHĀT*

Mohd Muslim Sallehⁱ, Nasrul Hisyam Nor Muhamadⁱⁱ, Mohd Khairy Kamarudin^{iii,iv}, Hussin Salamon^v, Abdul Halim Zulkifli^{vi} & Norhidayu Muhamad Zain^{vii}

ⁱ Pelajar Pascasiswazah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. alfaradyjb@gmail.com

ⁱⁱ (Corresponding author) Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. nasrul@utm.my

ⁱⁱⁱ Pelajar Pascasiswazah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.

^{iv} Pensyarah, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan. khairy.k@umk.edu.my

^v Prof Madya, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. drhussin@utm.my

^{vi} Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. halim-zulkifli@utm.my

^{vii} Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. norhidayu_mz@utm.my

Abstract	<p><i>Unclaimed estate inheritance is a critical issue. Main factor that causes this issue is heir's attitude towards the inheritance settlement. The problem of 'layered death' among heirs is a major issue that contributes to the increasing number of unclaimed inheritance estates. The objective of this article is to review the estate distribution method in the 'layered death' or known as 'munāsakhāt'. For this purpose, this article highlights Shubbāk's theory as basic discussion. This paper employed qualitative approach. The data is obtained through library method and descriptive analysis. This study concludes that Islam has already provided method of distribution in 'munāsakhāt' issues. Despite, in terms of implementation, it depends deeply on the heirs' attitude.</i></p> <p>Keywords: <i>Islamic law, fara'id, estate inheritance, munāsakhāt, Shubbāk's theory.</i></p>
Abstrak	<p><i>Isu harta pusaka yang tidak diselesaikan adalah membimbangkan. Penyebab utama kepada timbulnya isu ini ialah sikap waris terhadap penyelesaian pusaka tersebut. Masalah 'kematian berlapis' dalam kalangan waris pusaka merupakan isu besar yang menyumbang kepada peningkatan jumlah harta pusaka yang tidak diselesaikan. Objektif artikel ini adalah mengulas kaedah agihan harta pusaka dalam kes berlakunya kematian berlapis atau dikenali sebagai munāsakhāt. Untuk tujuan tersebut, artikel ini mengetengahkan teori Shubbāk sebagai asas perbincangan. Kajian ini berbentuk kualitatif. Data diperolehi menerusi kaedah perpustakaan dan dianalisis secara diskriptif. Kajian merumuskan bahawa Islam telah pun menyediakan kaedah agihan dalam isu-isu munāsakhāt. Cuma dari sudut pelaksanaannya, ia sangat bergantung kepada sikap para waris.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Undang-undang Islam, fara'id, harta pusaka, munāsakhāt, teori Shubbāk.</i></p>

PENDAHULUAN

Harta pusaka ialah sesuatu yang ditinggalkannya oleh seseorang setelah meninggal dunia, sama ada berbentuk harta dan hak terhadap harta atau hak bukan harta. Setiap sesuatu yang ditinggalkan seseorang setelah meninggal dunia dinamakan harta pusaka, sama ada orang yang mati itu mempunyai hutang atau tidak, dan sama ada

hutang tersebut berbentuk *'Aynīyyah* atau berbentuk *Shakhsīyah* (al-Sabūnī, 2008: 34, Dwi Retno Widiyanti, 2014).

Kebiasaannya, bahagian harta pusaka diagihkan sebaik sahaja berlaku kematian. Kaedah pembahagian dalam keadaan biasa ini tidak menjadi persoalan kerana ia menjadi sesuatu maklum dalam kaedah pengiraan faraid. Namun, berlaku keadaan yang mana agihan harta pusaka tidak sempat dilaksanakan sehingga sampai satu ketika waris yang berhak menerima harta pusaka itu pula yang meninggal dunia.

Secara umumnya, keadaan di atas berlaku disebabkan faktor kelewatan ahli waris untuk menyelesaikan proses agihan dalam tempoh yang lama sehingga berlakunya kematian salah seorang atau beberapa waris yang berhak ke atas harta pusaka tersebut. Sikap ahli waris yang sengaja melengah-lengahkan proses agihan ini boleh menyebabkan harta pusaka tersebut mencapai peringkat lebih dari peringkat kedua selepas kematian yang pertama tadi (MY Ahmad, 2010: 35-37). Malah berdasarkan pengalaman mereka yang terlibat dalam mengendalikan kes harta pusaka ini, terdapat kes kematian berlapis yang mencapai peringkat sehingga 10 ahli waris atau lebih (Wan Abdul Halim, 2006: 263). Keadaan inilah yang berlaku dalam kes tanah pusaka Kampung Baru, Kuala Lumpur yang diketahui umum itu. Jumlah waris kepada satu lot tanah pusaka yang pernah direkodkan ialah seramai 150 orang (Ghazali Ibrahim, 2011: 14).

Artikel ini mengulas mengenai kaedah agihan harta pusaka dalam kes berlakunya kematian berlapis atau dikenali sebagai *munāsakhāt*. Untuk tujuan tersebut, artikel ini mengetengahkan teori *Shubbāk* sebagai asas perbincangan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Data diperoleh daripada buku dan artikel jurnal berkaitan munasakhat. Data dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan.

KONSEP MUNĀSAKHĀT

Perkataan *Munāsakhāt* ialah istilah yang diambil dari kalimah Arab iaitu kata terbitnya adalah dari kalimah *nasakha* yang bermaksud batal, hapus atau tukar. (Ibn Manzūr, 1996 : 61).

Manakala dalam istilah ilmu perwarisan Islam, *munāsakhāt* membawa maksud sebahagian daripada waris yang menerima pusaka si mati sebelum harta si mati dibahagikan kepadanya dan bahagiannya dipindahkan kepada waris yang lain (Wan Abdul Halim, 2006: 261). *Munāsakhāt* juga membawa maksud memindahkan bahagian pusaka seseorang atau beberapa orang ahli waris yang telah meninggal dunia sebelum pembahagian pusaka kepada ahli-ahli warisnya yang lain (Abdul Rashid, 2005: 159). Ulamak faraid menamakan kes pembahagian harta pusaka Kematian Waris Berlapis dengan nama *Munāsakhāt* adalah kerana dalam kes ini pembahagian yang pertama akan dipinda oleh pembahagian yang kedua, dan akan dihilangkan hukumnya serta diubah. Hal ini kerana harta akan berpindah dari seseorang ahli waris kepada ahli waris yang lain (Nasir, 2011 : 402).


Munāsakhāt yang dimaksudkan dalam artikel ini ialah kematian berlapis dalam kalangan ahli waris yang berhak menerima harta pusaka. Ia berlaku apabila berlaku kematian seseorang, belum sempat diselesaikan pembahagian harta pusaka tersebut maka berlaku kematian baru di kalangan ahli waris yang layak menerima harta pusaka itu.

PENYELESAIAN AGIHAN HARTA PUSAKA DALAM ISU MUNĀSAKHĀT

Dalam mengendalikan pembahagian harta pusaka bagi kes *Munāsakhāt* ini, ketelitian semasa menentukan ahli waris serta perincian dalam pengiraan perlu kerana pembahagian harta pusaka dalam kes *Munāsakhāt* ini adalah paling sukar permasalahannya dalam ilmu faraid (al-'Uthaimīn, 2009 : 68). Artikel ini mengetengahkan teori *Shubbāk* bagi memudahkan pengiraan serta penyelesaian bagi kes harta pusaka dalam isu *Munāsakhāt*.

Teori *Shubbāk*

Teori *Shubbāk* ialah kaedah pengiraan dengan membina rangka jadual faraid dalam satu bentuk yang membolehkan dapat melihat keseluruhan ahli waris, daripada setiap lapisan kematian (al-'Uthaimīn, 2009 : 68). Rajah 1 menunjukkan kaedah pengiraan Teori *Shubbāk*.



Rajah 1 : Kaedah Pengiraan Teori *Shubbāk*

Berdasarkan Rajah 1, proses pengiraan Teori *Shubbāk* perlu mengikut turutan berdasarkan kes kematian seperti berikut:

- 1) Dimulakan dengan ditashīh bagi setiap kematian, apabila ada masalah yang memerlukan kepadanya. Iaitu saham yang menjadi bahagian sekelompok ahli waris tidak boleh dibahagikan kepada setiap orang di dalamnya kecuali dengan hasil angka perpuluhan, maka diubah saham tersebut kepada jumlah yang boleh dibahagikan kepada setiap orang dengan hasil angka genap (Wahbah al-Zuhaylī, 2013 : 79).
- 2) Pengiraan masalah baru secara khusus bagi lapisan kematian yang kedua.
- 3) *Al-Jam'u* iaitu dibandingkan di antara saham si mati lapisan kedua dengan 'Asal Masalah' yang kedua. Perbandingan ini akan melibatkan tiga kaedah pengiraan iaitu *Mumāthilah*, *Muwāfiqah* dan *Mubāyinah* (al-Sābūnī, 2008: 161).

Kaedah Pertama: *Mumāthilah*

Mumāthilah ertinya bersamaan iaitu saham si mati lapisan kedua bersamaan dengan 'Asal Masalah' yang kedua (misalnya angka 2 dengan angka 2, bermakna kedua-dua angka ini adalah sama). Contoh masalah - seorang perempuan mati meninggalkan suami, ibu serta bapa saudara seibu sebapa (BSIB), si mati mempunyai harta sebanyak RM 12 juta. Belum sempat diagihkan harta tersebut, mati pula si suami tadi dan meninggalkan ahli warisnya iaitu ibu dan bapa. Pengiraannya seperti berikut :

Waris	Kadar	Pengiraan 1	Waris	Kadar	Pengiraan 2	<i>Al-Jam'u</i>
		x 1			x 1	
		6			3	6
Suami	$\frac{1}{2}$	3	Mati	-	-	-
Ibu	$\frac{1}{3}$	2	BW			2
BSIB	ε	1	BW			1
			Bapa	ε	2	2

			Ibu	$\frac{1}{3}$	1	1
Lapisan Pertama			Lapisan Kedua			

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	Ibu (Lapisan 1)	$\frac{\text{RM 12 Juta}}{6} \times 2 = \text{RM 4 Juta}$
2.	BSIB	$\frac{\text{RM 12 Juta}}{6} \times 1 = \text{RM 2 Juta}$
3.	Bapa	$\frac{\text{RM 12 Juta}}{6} \times 2 = \text{RM 4 Juta}$
4.	Ibu (Lapisan 2)	$\frac{\text{RM 12 Juta}}{6} \times 1 = \text{RM 2 Juta}$

Jadual 1: Pengiraan Harta Pusaka Kes *Munāsakhāt* Kaedah *Mumāthilah*

Dalam Jadual 1, pengiraan lapisan pertama, kadar yang ditetapkan untuk suami satu perdua kerana si mati tiada *Far'u Wāris*, untuk ibu satu pertiga kerana si mati tiada *Far'u Wāris* dan bagi BSIB mengambil *'Asabah Bi Nafsih* sebab tiada waris lain yang menghalangnya dan si mati tiada *Far'u Wāris*. 'Asal Masalah' ialah 6 saham, bahagian untuk suami ialah 3 saham, bagi ibu ialah 2 saham dan bakinya adalah 1 saham untuk BSIB. Kemudian mati pula si suami meninggalkan ahli warisnya iaitu ibu dan bapa.

Pengiraan lapisan kedua, ibu dalam pengiraan lapisan pertama tidak boleh mewarisi dalam pengiraan lapisan kedua kerana bukan ahli waris si mati, kerana dia adalah ibu kepada si mati yang pertama (isteri), BSIB juga tidak boleh mewarisi dalam pengiraan lapisan kedua kerana bukan ahli waris si mati. Yang layak mewarisi pusaka ialah ibu dan bapa sahaja. Kadar yang ditetapkan untuk ibu satu pertiga kerana si mati tiada *Far'u Wāris*, bapa mengambil *'Asabah Bi Nafsih* kerana si mati tiada *Far'u Wāris*. 'Asal Masalah' ialah 3 saham, bahagian untuk ibu ialah 1 saham dan bakinya adalah 2 saham untuk bapa kerana mengambil *'Asabah Bi Nafsih*.

Pengiraan *al-Jam'u* bagi kes *Munāsakhāt* adalah digabungkan antara pengiraan pertama dengan pengiraan kedua, dan dibandingkan saham si mati lapisan kedua, iaitu suami (angka 3) dengan 'Asal Masalah' dalam pengiraan kedua (angka 3) ini disebut sebagai *Mumāthilah*. Oleh itu, dibahagikan saham si mati lapisan kedua dengan 'Asal Masalah' dalam pengiraan kedua hasilnya sama dengan satu ($3 \div 3 = 1$), kemudian dikalikan setiap saham dalam pengiraan pertama dan pengiraan kedua dengan angka satu. Hasilnya, 'Asal Masalah' bagi pengiraan *al-Jam'u* adalah 6 saham, bahagian untuk ibu (dalam lapisan pertama) ialah 2 saham, suami tidak dapat pusaka kerana telah meninggal dunia, untuk BSIB ialah 1 saham dan bagi bapa dapat dua saham dan ibu (dalam lapisan kedua) ialah 1 saham.

Berdasarkan jumlah saham yang diperolehi setiap ahli waris, bahagian ibu (dalam lapisan pertama) mendapat pusaka sebanyak RM 4 juta, BSIB sebanyak RM 2 juta, bapa sebanyak RM 4 juta, ibu (dalam lapisan kedua) sebanyak RM 2 juta.

Kaedah Kedua: *Muwāfiqah*

Muwāfiqah ialah angka yang boleh dibahagikan dengan satu angka yang sama (contoh - angka 4 dengan 6, kedua-duanya boleh dibahagikan dengan angka 2 ($4 \div 2 = 2$, $6 \div 2 = 3$) atau angka gandaan iaitu angka saham boleh dimasukkan ke dalam angka 'Asal Masalah' (contoh - angka 3 dengan 6, angka 6 adalah nombor gandaan bagi angka 3 ($3 + 3 = 6$)). Contoh masalah - seorang perempuan mati meninggalkan si suami, dan ibu serta bapa saudara seibu sebapa (BSIB), si mati mempunyai harta sebanyak RM 12 juta. Belum sempat diagihkan harta tersebut, mati si suami pula dan meninggalkan

ahli warisnya iaitu ibu, dan dua orang saudara seibu lelaki (SIL) serta seorang saudara sebapa lelaki (SBL). Cara pengiraannya seperti berikut :

Waris	Kadar	Pengiraan 1	Waris	Kadar	Pengiraan 2	Al-Jam'u
		x 2			x 1	
		6			6	
Suami	$\frac{1}{2}$	3	Mati	-	-	-
Ibu	$\frac{1}{3}$	2	BW			4
BSIB	ع	1	BW			2
			Ibu	$\frac{1}{6}$	1	1
			SIL	$\frac{1}{3}$	1	1
			SIL		1	1
			SBL	ع	3	3
Lapisan Pertama			Lapisan Kedua			

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	Ibu (Lapisan 1)	$\frac{\text{RM 12 Juta}}{12} \times 4 = \text{RM 4 Juta}$
2.	BSIB	$\frac{\text{RM 12 Juta}}{12} \times 2 = \text{RM 2 Juta}$
3.	Ibu (Lapisan 2)	$\frac{\text{RM 12 Juta}}{12} \times 1 = \text{RM 1 Juta}$
4.	SIL (1)	$\frac{\text{RM 12 Juta}}{12} \times 1 = \text{RM 1 Juta}$
5.	SIL (2)	$\frac{\text{RM 12 Juta}}{12} \times 1 = \text{RM 1 Juta}$
6.	SBL	$\frac{\text{RM 12 Juta}}{12} \times 3 = \text{RM 3 Juta}$

Jadual 2 : Pengiraan Harta Pusaka Kes *Munāsakhāt* Kaedah *Muwāfiqah*

Dalam Jadual 2, pengiraan lapisan pertama, kadar yang ditetapkan untuk suami adalah satu perdua kerana si mati tiada *Far'u Wāris*, untuk ibu satu pertiga kerana si mati tiada *Far'u Wāris* dan bagi BSIB mengambil '*Asabah Bi Nafsih*' sebab tiada waris lain yang menghalangnya dan si mati tiada *Far'uWāris*. 'Asal Masalah' ialah 6 saham, bahagian untuk suami ialah 3 saham, bagi ibu ialah 2 saham dan bakinya adalah 1 saham untuk BSIB. Kemudian mati pula si suami meninggalkan ahli warisnya iaitu ibu, dan dua SIL serta seorang SBL.

Bagi pengiraan lapisan kedua - ibu dalam pengiraan lapisan pertamatidak boleh mewarisi dalam pengiraan lapisan kedua kerana bukan ahli waris si mati, kerana dia adalah ibu kepada si mati yang pertama (isteri), BSIB juga tidak boleh mewarisi dalam pengiraan lapisan kedua kerana bukan ahli waris si mati. Yang layak mewarisi pusaka ialah ibu, dua SIL dan SBL sahaja. Kadar yang ditetapkan untuk ibu adalah satu perenam kerana wujud lebih daripada seorang saudara si mati iaitu dua SIL. Untuk dua

SIL adalah satu pertiga kongsi bersama, bagi SBL pula mengambil 'Asabah Bi Nafsih' kerana si mati tiada *Far'u Wāris* dan tiada waris lain yang menghalangnya. 'Asal Masalah' ialah 6 saham. Bahagian untuk ibu ialah 1 saham, untuk dua SIL ialah 2 saham iaitu setiap seorang 1 saham dan bakinya adalah 3 saham untuk SBL kerana mengambil 'Asabah Bi Nafsih'.

Pengiraan *al-Jam'u* bagi kes *Munāsakhāt* penggabungan antara pengiraan pertama dengan pengiraan kedua, dan dibandingkan saham si mati lapisan kedua, iaitu suami (angka 3) dengan 'Asal Masalah' dalam pengiraan kedua (angka 6) ini adalah *Muwāfiqah*. Oleh itu, dibahagikan saham si mati lapisan kedua dengan angka 3 hasilnya sama dengan 1 ($3 \div 3 = 1$), dan dibahagikan juga 'Asal Masalah' dalam pengiraan kedua dengan angka 3 hasilnya sama dengan 2 ($6 \div 3 = 2$). Kemudian dikalikan setiap saham dalam pengiraan pertama dengan angka 2, dan dikalikan juga setiap saham dalam pengiraan kedua dengan angka 1. Hasilnya, 'Asal Masalah' bagi pengiraan *al-Jam'u* adalah 12 saham. Bahagian untuk suami tidak dapat pusaka kerana telah meninggal dunia, untuk ibu (dalam lapisan pertama) 4 saham, untuk BSIB 2 saham, untuk ibu (dalam lapisan kedua) 1 saham, bagi dua SIL 2 saham iaitu seorang 1 saham dan bakinya adalah 3 saham adalah untuk SBL.

Berdasarkan jumlah saham yang diperolehi setiap ahli waris, ibu (dalam lapisan pertama) mendapat pusaka sebanyak RM 4 juta, BSIB sebanyak RM 2 juta, ibu (dalam lapisan kedua) sebanyak RM 1 juta. Dua SIL mendapat RM 2 juta iaitu setiap seorang dapat RM 1 juta, dan SBL sebanyak RM 3 juta.

Kaedah Ketiga: *Mubāyinah*

Mubāyinah ialah angka yang tidak ada persamaan, dan tidak boleh dibahagikan dengan satu angka yang sama serta bukan angka gandaan bagi nombor tersebut. Contoh ; angka 2 dengan 3, kedua-dua nombor ini tidak sama, dan nombor 3 bukan gandaan bagi nombor 2 serta tidak boleh dibahagikan dengan nombor yang sama kerana hasilnya akan ada perpuluhan. Contoh masalah - seorang perempuan mati meninggalkan suami, dan ibu serta bapa saudara seibu sebapa (BSIB), si mati mempunyai harta sebanyak RM 60 juta. Belum sempat diagihkan harta tersebut mati si suami pula, meninggalkan ahli warisnya iaitu seorang anak perempuan (AP), dan lima orang saudara seibu sebapa lelaki (SIBL). Pengiraannya seperti berikut :

Waris	Kadar	Pengiraan 1	Waris	Kadar	Pengiraan 2		<i>Al-Jam'u</i>
		x 10			x 3		
		6			2 x 5 = 10		60
Suami	$\frac{1}{2}$	3	Mati	-	-		-
Ibu	$\frac{1}{3}$	2	BW				20
BSIB	ε	1	BW				10
			AP	$\frac{1}{2}$	1	5	15
			SIBL	ε	1	1	3
			SIBL			1	3
			SIBL			1	3
			SIBL			1	3

			SIBL			1	3
Lapisan Pertama			Lapisan Kedua				

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	Ibu	$\frac{\text{RM } 60 \text{ Juta}}{60} \times 20 = \text{RM } 20 \text{ Juta}$
2.	BSIB	$\frac{\text{RM } 60 \text{ Juta}}{60} \times 10 = \text{RM } 10 \text{ Juta}$
3.	AP	$\frac{\text{RM } 60 \text{ Juta}}{60} \times 15 = \text{RM } 15 \text{ Juta}$
4.	SIBL (1)	$\frac{\text{RM } 60 \text{ Juta}}{60} \times 3 = \text{RM } 3 \text{ Juta}$
5.	SIBL (2)	$\frac{\text{RM } 60 \text{ Juta}}{60} \times 3 = \text{RM } 3 \text{ Juta}$
6.	SIBL (3)	$\frac{\text{RM } 60 \text{ Juta}}{60} \times 3 = \text{RM } 3 \text{ Juta}$
7.	SIBL (4)	$\frac{\text{RM } 60 \text{ Juta}}{60} \times 3 = \text{RM } 3 \text{ Juta}$
8.	SIBL (5)	$\frac{\text{RM } 60 \text{ Juta}}{60} \times 3 = \text{RM } 3 \text{ Juta}$

Jadual 3 : Pengiraan Harta Pusaka Kes *Munāsakhāt* Kaedah *Mubāyinah*

Dalam Jadual 3, pengiraan lapisan pertama - Bahagian suami adalah satu perdua kerana si mati tiada *Far'u Wāris*. Ibu satu pertiga kerana si mati tiada *Far'u Wāris* dan bagi BSIB mengambil '*Asabah Bi Nafsih*' sebab tiada waris lain yang menghalangnya dan si mati tiada *Far'u Wāris*. '*Asal Masalah*' ialah 6 saham, bahagian untuk suami ialah 3 saham, bagi ibu ialah 2 saham dan bakinya adalah 1 saham untuk BSIB. Kemudian mati pula si suami meninggalkan ahli warisnya iaitu seorang AP, dan lima SIBL.

Pengiraan lapisan kedua, ibu dalam pengiraan lapisan pertamatidak boleh mewarisi dalam pengiraan lapisan kedua kerana bukan ahli waris si mati, kerana dia adalah ibu kepada si mati yang pertama (isteri), BSIB juga tidak boleh mewarisi dalam pengiraan lapisan kedua kerana bukan ahli waris si mati. Yang layak mewarisi pusaka ialah AP dan lima SIBL sahaja. Kadar yang ditetapkan untuk AP adalah satu perdua kerana bersendirian dan tiada *Far'u Wāris* lelaki dan bagi lima SIBL mengambil '*Asabah Bi Nafsih*' kerana si mati tiada *Far'u Wāris* lelaki dan tiada waris lain yang menghalangnya. '*Asal Masalah*' ialah 2 saham, bahagian untuk AP ialah 1 saham, dan lima SIBL ialah 1 saham juga, iaitu 1 saham kongsi lima orang. Kemudian mulakan dengan *Tashīh* kerana angka 1 tidak boleh dibahagikan dengan angka 5 ianya akan jadi angka perpuluhan. Oleh itu, dikalikan bilangan SIBL dengan '*Asal Masalah*' dan setiap saham. Hasil setelah *Tashīh*, '*Asal Masalah*' ialah 10 saham, bahagian AP ialah 5 saham, dan lima SIBL ialah 5 saham juga iaitu setiap orang 1 saham.

Pengiraan *al-Jam'u* bagi kes *Munāsakhāt* digabungkan di antara pengiraan pertama dengan Pengiraan kedua, dan dibandingkan saham si mati lapisan kedua, iaitu suami (angka 3) dengan '*Asal Masalah*' dalam pengiraan kedua (angka 10) ini adalah *Mubāyinah*. Oleh itu, dikalikan setiap saham dalam pengiraan pertama dengan '*Asal Masalah*' dalam pengiraan kedua, dan dikalikan juga setiap saham dalam pengiraan kedua dengan saham si mati kedua (suami). Hasilnya, '*Asal Masalah*' bagi pengiraan *al-Jam'u* adalah 60 saham, bahagian untuk suami tidak dapat pusaka

kerana telah meninggal dunia, untuk ibu 20 saham, untuk BSIB 10 saham, untuk AP 15 saham dan bagi lima SIBL adalah 15 saham iaitu setiap seorang mengambil 3 saham.

Berdasarkan jumlah saham yang diperolehi setiap ahli waris, ibu mendapat pusaka sebanyak RM 20 juta, BSIB sebanyak RM 10 juta, AP mendapat RM 15 juta, lima SIBL mendapat RM 15 juta iaitu setiap seorang dapat RM 3 juta.

Perlu ditekankan bahawa kaedah pengiraan bagi kes *Munāsakhāt* yang terjadi tiga lapisan kematian ahli waris adalah sama sahaja dengan pengiraan bagi kes *Munāsakhāt* dua lapisan kematian yang mana setiap lapisan kematian hendaklah dibuat pengiraan *al-Jam'u* terlebih dahulu sebelum membuat pengiraan lapisan seterusnya.

Kategori Kematian Berlapis dalam Kes *Munāsakhāt*

Cara pembahagian harta pusaka bagi kes *Munāsakhāt* dibahagikan kepada tiga kategori kematian berlapis. Berikut diterangkan setiap kategori tersebut (Ahmad bin Umar, 2010: 81):

Kategori Pertama

Dalam kategori ini ahli waris daripada lapisan kematian pertama dan lapisan kematian kedua adalah orang yang sama, serta memperoleh kadar bahagian yang sama. Dalam hal ini, si mati dalam lapisan kedua boleh dianggap sebagai tidak ada dan pengiraan terus boleh dibuat berdasarkan kepada waris yang hidup sahaja (Wan Abdul Halim Wan Harun, 2006 : 277). Pembahagian dibuat mengikut pengiraan biasa sahaja tanpa membuat pengiraan *Munāsakhāt* kerana hasilnya adalah sama. Contoh masalah - seorang lelaki mati meninggalkan isteri, dan tujuh orang anak lelaki (AL), si mati mempunyai harta sebanyak RM 7 bilion. Belum sempat diagihkan harta tersebut mati si isteri pula, dan tidak ada ahli warisnya yang lain. Pengiraannya seperti berikut :

Waris	Kadar	Pengiraan 1
		7
AL (1)	ع	1
AL (2)		1
AL (3)		1
AL (4)		1
AL (5)		1
AL (6)		1
AL (7)		1

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	AL (1)	$\frac{RM\ 7\ Bilion}{7} \times 1 = RM\ 1\ Bilion$
2.	AL (2)	$\frac{RM\ 7\ Bilion}{7} \times 1 = RM\ 1\ Bilion$
3.	AL (3)	$\frac{RM\ 7\ Bilion}{7} \times 1 = RM\ 1\ Bilion$
4.	AL (4)	$\frac{RM\ 7\ Bilion}{7} \times 1 = RM\ 1\ Bilion$
5.	AL (5)	$\frac{RM\ 7\ Bilion}{7} \times 1 = RM\ 1\ Bilion$
6.	AL (6)	$\frac{RM\ 7\ Bilion}{7} \times 1 = RM\ 1\ Bilion$

7.	AL (7)	$\frac{\text{RM 7 Bilion}}{7} \times 1 = \text{RM 1 Bilion}$
----	--------	--

Jadual 4: Pengiraan Harta Pusaka Kes *Munāsakhāt* Kategori Pertama (1)

Dalam Jadual 4, tujuh AL kepada si mati mewarisi harta pusaka tersebut dengan keseluruhannya kerana mengambil 'Asabah Bi Nafsih'. 'Asal Masalah' ialah 7 saham dan bahagian untuk tujuh AL ialah 7 saham iaitu setiap daripada AL mengambil 1 saham. Berdasarkan jumlah saham tersebut, AL mendapat pusaka sebanyak RM 7 bilion iaitu setiap seorang anak lelaki (AL) dapat RM 1 bilion.

Dalam kategori ini tidak perlu buat pengiraan *Munāsakhāt* kerana ahli waris daripada lapisan kematian pertama dan lapisan kematian kedua adalah orang yang sama, serta memperoleh kadar bahagian yang sama, jika dibuat mengikut pengiraan *Munāsakhāt* akan mendapat hasil yang sama nilainya. Lihat Jadual 5 di bawah.

Waris	Kadar	Pengiraan 1	Waris	Kadar	Pengiraan 2	Al-Jam'u
		x 7			x 1	
		8			7	56
Isteri	$\frac{1}{8}$	1	Mati	-	-	-
AL (1)	ε	1	AL (1)	ε	1	8
AL (2)		1	AL (2)		1	8
AL (3)		1	AL (3)		1	8
AL (4)		1	AL (4)		1	8
AL (5)		1	AL (5)		1	8
AL (6)		1	AL (6)		1	8
AL (7)		1	AL (7)		1	8
Lapisan Pertama			Lapisan Kedua			

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	AL (1)	$\frac{\text{RM 7 Bilion}}{56} \times 8 = \text{RM 1 Bilion}$
2.	AL (2)	$\frac{\text{RM 7 Bilion}}{56} \times 8 = \text{RM 1 Bilion}$
3.	AL (3)	$\frac{\text{RM 7 Bilion}}{56} \times 8 = \text{RM 1 Bilion}$
4.	AL (4)	$\frac{\text{RM 7 Bilion}}{56} \times 8 = \text{RM 1 Bilion}$
5.	AL (5)	$\frac{\text{RM 7 Bilion}}{56} \times 8 = \text{RM 1 Bilion}$
6.	AL (6)	$\frac{\text{RM 7 Bilion}}{56} \times 8 = \text{RM 1 Bilion}$

7.	AL (7)	$\frac{\text{RM 7 Bilion}}{56} \times 8 = \text{RM 1 Bilion}$
----	--------	---

Jadual 5: Pengiraan Harta Pusaka Kes *Munāsakhāt* Kategori Pertama (2)

Dalam Jadual 5, pengiraan lapisan pertama, kadar yang ditetapkan untuk isteri adalah satu perapan kerana si mati ada *Far’u Wāris*, untuk tujuh AL mengambil ‘*Asabah Bi Nafsih*. ‘Asal Masalah’ ialah 8 saham, bahagian untuk isteri ialah 1 saham dan bakinya adalah 7 saham untuk tujuh AL iaitu setiap AL mengambil 1 saham. Kemudian mati pula si isteri tadi, dan tidak ada ahli warisnya yang lain.

Dalam pengiraan lapisan kedua, yang layak mewarisi pusaka ialah tujuh AL sahaja yang mana mereka mengambil ‘*Asabah Bi Nafsih* keranasi mati dalam lapisan pertama (suami) adalah ayahnya dan si mati dalam lapisan kedua (isteri) adalah ibunya. ‘Asal Masalah’ ialah 7 saham, bahagian untuk tujuh AL ialah 7 saham iaitu setiap daripada AL mengambil 1 saham. Pengiraan *al-Jam’u* bagi kes *Munāsakhāt* digabungkan di antara pengiraan pertama dengan pengiraan kedua, dan dibandingkan saham si mati lapisan kedua, iaitu isteri (angka 1) dengan ‘Asal Masalah’ dalam pengiraan kedua (angka 7) ini adalah *Mubāyinah*. Oleh itu, dikalikan setiap saham dalam pengiraan pertama dengan ‘Asal Masalah’ dalam pengiraan kedua, dan dikalikan juga setiap saham dalam pengiraan kedua dengan saham si mati kedua (isteri). Hasilnya, ‘Asal Masalah’ bagi pengiraan *al-Jam’u* adalah 56 saham, isteri tidak dapat kerana telah meninggal dunia, bahagian untuk tujuh AL ialah 56 saham iaitu setiap daripada AL mengambil 8 saham.

Berdasarkan jumlah saham tersebut, bahagian untuk tujuh AL ialah RM 7 bilion iaitu setiap seorang orang AL mendapat RM1 bilion.

Pengiraan bagi kes *Munāsakhāt* dalam Jadual 5 dan pengiraan faraid secara biasa dalam Jadual 4 menunjukkan hasil dan nilai yang sama diperoleh oleh ahli waris tersebut. Oleh itu, khusus bagi kategori ini boleh dibahagikan terus mengikut pengiraan faraid secara biasa tanpa memerlukan kepada pengiraan *Munāsakhāt* kerana hasilnya adalah sama.

Kategori Kedua

Bagi kategori ini ahli waris kepada si mati dalam lapisan kematian kedua sebahagiannya merupakan daripada ahli waris dalam lapisan kematian pertama, memperoleh kadar bahagian tidak sama. Oleh itu, kategori ini mestilah dibahagikan mengikut pengiraan *Munāsakhāt*. Contoh masalah ; seorang lelaki mati meninggalkan seorang isteri, seorang anak perempuan (AP), seorang saudara seibu sebapa perempuan (SIBP) dan ibu. Si mati mempunyai harta sebanyak RM 288 juta. Belum sempat diagihkan harta tersebut mati saudara seibu sebapa perempuan (SIBP) pula, meninggalkan ahli warisnya iaitu suami dan seorang anak lelaki (AL). Pengiraannya seperti berikut:

Waris	Kadar	Pengiraan 1	Waris	Kadar	Pengiraan 2	<i>Al-Jam’u</i>
		x 12			x 5	
		24			12	288
Isteri	$\frac{1}{8}$	3	BW			36
Ibu	$\frac{1}{6}$	4	Ibu	$\frac{1}{6}$	2	48+10 = 58
AP	$\frac{1}{2}$	12	BW			144
SIBP	ε	5	Mati	-	-	-

			Suami	$\frac{1}{4}$	3	15
			AL	ع	7	35
Lapisan Pertama			Lapisan Kedua			

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	Isteri	$\frac{\text{RM } 288 \text{ Juta}}{288} \times 36 = \text{RM } 36 \text{ Juta}$
2.	Ibu	$\frac{\text{RM } 288 \text{ Juta}}{288} \times 58 = \text{RM } 58 \text{ Juta}$
3.	AP	$\frac{\text{RM } 288 \text{ Juta}}{288} \times 144 = \text{RM } 144 \text{ Juta}$
4.	Suami	$\frac{\text{RM } 288 \text{ Juta}}{288} \times 15 = \text{RM } 15 \text{ Juta}$
5.	AL	$\frac{\text{RM } 288 \text{ Juta}}{288} \times 35 = \text{RM } 35 \text{ Juta}$

Jadual 6 : Pengiraan Harta Pusaka Kes *Munāsakhāt* Kategori Kedua

Dalam Jadual 6, pengiraan lapisan pertama, kadar yang ditetapkan untuk isteri adalah satu perlepasan kerana si mati ada *Far'u Wāris*, ibu mendapat satu perenam kerana si mati ada *Far'u Wāris*, untuk AP satu perdua kerana bersendirian dan tiada *Far'u Wāris* lelaki, SIBP mendapat 'Asabah Ma'a al-Ghair'. 'Asal Masalah' ialah 24 saham. Bahagian untuk isteri ialah 3 saham, ibu ialah 4 saham, AP 12 saham dan bakinya adalah 5 saham untuk SIBP. Kemudian mati pula SIBP yang meninggalkan ahli warisnya iaitu suami dan seorang AL.

Pada lapisan kedua, semua ahli waris dalam lapisan pertama tidak boleh mewarisi pusaka dalam lapisan kedua kerana bukan waris, kecuali ibu dalam pengiraan lapisan pertama boleh mewarisi dalam pengiraan lapisan kedua kerana ahli waris kepada si mati iaitu ibu kepada si mati yang pertama dan ibu juga kepada si mati kedua. Yang layak mewarisi pusaka ialah ibu ialah suami dan seorang AL sahaja. Kadar yang ditetapkan untuk ibu adalah satu perenam kerana si mati meninggalkan *Far'u Wāris*, suami pula mendapat satu perempat kerana si mati meninggalkan *Far'u Wāris* dan bagi AL mengambil 'Asabah Bi Nafsih'. 'Asal Masalah' ialah 12 saham dan bahagian untuk ibu ialah 2 saham, untuk suami ialah 3 saham dan bakinya adalah 7 saham untuk AL kerana mengambil 'Asabah Bi Nafsih'.

Pengiraan *al-Jam'u* bagi kes *Munāsakhāt* digabungkan antara pengiraan pertama dengan pengiraan kedua, dan dibandingkan saham si mati lapisan kedua, iaitu SIBP (angka 5) dengan 'Asal Masalah' dalam pengiraan kedua (angka 12) ini adalah *Mubāyinah*. Oleh itu, dikalikan setiap saham dalam pengiraan pertama dengan 'Asal Masalah' dalam pengiraan kedua, dan dikalikan juga setiap saham dalam pengiraan kedua dengan saham si mati kedua, iaitu SIBP. Hasilnya, 'Asal Masalah' bagi pengiraan *al-Jam'u* adalah 288 saham. Bahagian untuk isteri ialah 36 saham, untuk ibu ialah 58 setelah dicampurkan di antara pengiraan lapisan pertama dengan pengiraan lapisan kedua, AP mendapat 144 saham, suami 15 saham dan bagi AL 35 saham.

Berdasarkan jumlah saham tersebut, bahagian yang diperolehi isteri ialah sebanyak RM36 juta, ibu mendapat RM 58 juta, AP mendapat RM 144 juta, suami mendapat RM 15 juta, dan AL mendapat RM 35 juta.

Kategori Ketiga

Bagi kategori ini, ahli waris dalam pengiraan lapisan pertama tidak mewarisi pusaka daripada si mati yang kedua dalam pengiraan lapisan kedua. Oleh itu, kategori ini mestilah dibahagikan mengikut pengiraan *Munāsakhāt*. Contoh masalah - seorang perempuan mati meninggalkan suami dan ibu serta bapa saudara seibu sebapa (BSIB). Si mati mempunyai harta sebanyak RM 24 juta. Belum sempat diagihkan harta tersebut, mati pula si suami dan meninggalkan ahli warisnya iaitu ibu dan bapa. Pengiraannya seperti berikut :

Waris	Kadar	Pengiraan 1	Waris	Kadar	Pengiraan 2	Al-Jam'u
		x 1			x 1	
		6			3	6
Suami	$\frac{1}{2}$	3	Mati	-	-	-
Ibu	$\frac{1}{3}$	2	BW			2
BSIB	ϵ	1	BW			1
			Bapa	ϵ	2	2
			Ibu	$\frac{1}{3}$	1	1
Lapisan Pertama			Lapisan Kedua			

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	Ibu (L1)	$\frac{\text{RM 24 Juta}}{6} \times 2 = \text{RM 8 Juta}$
2.	BSIB	$\frac{\text{RM 24 Juta}}{6} \times 1 = \text{RM 4 Juta}$
3.	Bapa	$\frac{\text{RM 24 Juta}}{6} \times 2 = \text{RM 8 Juta}$
4.	Ibu (L2)	$\frac{\text{RM 24 Juta}}{6} \times 1 = \text{RM 4 Juta}$

Jadual 7 : Pengiraan Harta Pusaka Kes *Munāsakhāt* Kategori Ketiga

Dalam Jadual 7, pengiraan lapisan pertama, kadar yang ditetapkan untuk suami adalah satu perdua kerana si mati tiada *Far'u Wāris*, untuk ibu satu pertiga kerana si mati tiada *Far'u Wāris* dan bagi BSIB mengambil '*Asabah Bi Nafsih*' sebab tiada waris lain yang menghalangnya dan tiada *Far'u Wāris*. 'Asal Masalah' ialah 6 saham, bahagian untuk suami ialah 3 saham, bagi ibu ialah 2 saham dan bakinya adalah 1 saham untuk BSIB. Kemudian mati pula si suami meninggalkan ahli warisnya iaitu ibu dan bapa.

Bagi pengiraan lapisan kedua, ibu dalam pengiraan lapisan pertama tidak boleh mewarisi dalam pengiraan lapisan kedua kerana bukan ahli waris si mati, kerana dia adalah ibu kepada si mati yang pertama (isteri). BSIB juga tidak boleh mewarisi dalam pengiraan lapisan kedua kerana bukan ahli waris si mati. Yang layak mewarisi pusaka ialah ibu dan bapa sahaja. Kadar yang ditetapkan untuk ibu adalah satu pertiga kerana si mati tiada *Far'u Wāris*, bapa mengambil '*Asabah Bi Nafsih*' kerana si mati tiada *Far'u Wāris*. 'Asal Masalah' ialah 3 saham dan bahagian untuk ibu ialah 1 saham dan bakinya adalah 2 saham untuk bapa kerana mengambil '*Asabah Bi Nafsih*'.

Pengiraan *al-Jam'u* bagi kes *Munāsakhāt* digabungkan antara pengiraan pertama dengan pengiraan kedua, dan dibandingkan saham si mati lapisan kedua,

iaitu suami (angka 3) dengan 'Asal Masalah' dalam pengiraan kedua (angka 3) dikategorikan sebagai *Mumāthilah*. Oleh itu, dibahagikan saham si mati lapisan kedua dengan 'Asal Masalah' dalam pengiraan kedua hasilnya sama dengan satu ($3 \div 3 = 1$), kemudian dikalikan setiap saham dalam pengiraan pertama dan pengiraan kedua dengan angka satu. Hasilnya, 'Asal Masalah' bagi pengiraan *al-Jam'u* adalah 6 saham, bahagian untuk ibu (dalam lapisan pertama) ialah 2 saham, untuk suami tidak dapat pusaka kerana telah meninggal dunia, untuk BSIB ialah 1 saham, untuk bapa ialah 2 saham dan bagi ibu (dalam lapisan kedua) ialah 1 saham.

Berdasarkan jumlah saham yang diperolehi, bahagian untuk ibu (dalam lapisan pertama) ialah sebanyak RM 8 juta, BSIB sebanyak RM 4 juta, bapa mendapat RM 8 juta, dan ibu (dalam lapisan kedua) mendapat RM 4 juta.

KESIMPULAN

Munāsakhāt adalah kematian berlapis dalam kalangan ahli waris dan mereka mewarisi harta pusaka antara satu sama yang lain. Dalam hal ini, waris yang mati lebih awal akan diwarisi hartanya oleh waris yang mati kemudian. Pengiraan bagi pembahagian harta pusaka bagi kes *Munāsakhāt* boleh diselesaikan dengan mengguna pakai teori *Shubbāk*, iaitu dimulakan dengan pengiraan lapisan kematian yang pertama serta *Tashīh*. Setelah itu, dibuat pengiraan lapisan kematian yang kedua serta *Tashīh*. Selepas itu barulah boleh dimulakan pengiraan *al-Jam'u*. Sekiranya berlaku kematian seterusnya, disambung pengiraannya dengan menambah senarai ahli waris lapisan yang ketiga, kemudian dibuat pengiraan lapisan kematian yang ketiga selepas itu barulah dilakukan pengiraan *al-Jam'u* yang kedua. Begitulah kaedah seterusnya apabila berlaku kematian baru, menerusi lapisan yang seterusnya, lapisan keempat, kelima dan yang berikutnya dengan menggunakan kaedah yang sama.

Adalah diakui bahawa Islam telah memberikan jalan penyelesaian kepada isu kematian berlapis dalam hal tuntutan harta pusaka ini. Perkara yang perlu dilakukan pada masa kini ialah perubahan sikap waris untuk menyelesaikan proses agihan dengan kadar yang segera supaya pelaksanaan agihan tersebut berjalan dengan mudah. Hal ini kerana dengan berlakunya kematian secara berlapis dari satu peringkat ke satu peringkat yang seterusnya, maka hal ini akan menyukarkan pelaksanaan agihan harta pusaka tersebut. Dalam konteks ini, pendekatan pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat awam adalah perlu. Selain itu, keperluan kepada pentadbir yang amanah dan efisien juga tidak dinafikan, selain perancangan harta yang teratur dalam kalangan umat Islam (Shafie, et.al., 2014; SA Hassan dan RA Rashid, 2014).

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Latif. 2005. *Undang-undang Pusaka Dalam Islam Suatu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers.
- al-'Uthaimīn, Muhammad bin Salih. 2009. *Tashīh al-Farā'id*. Cairo, Mesir : Dāru Ibnu Hazim.
- al-Ghāmidī, Nasir Bin Muhammad. 2011. *Al-Khulāsah Fi 'Ilmi al-Farā'id*. Makkah : Darul Ṭaiyibah al-Khaḍrā'.
- al-Sabūnī, Muhammad Ali. 2008. *Al-Mawāriṭh Fi al-Sharī'ah al-Islāmiyah Fi Ḍau'i al-Kitāb Wa al-Sunnah*. Beirut, Lubnan : Syurkah Abnā' Sharīf al-Ansārī.
- al-Zuhaylī, Wahbah. 2013. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr
- Dwi Retno Widiyanti. 2014. *Redistribution Adjusts Efficiency in Economy: Islamic Paradigm*. Global Journal of Business and Social Science Review, Vol. 2(4). 18-27.
- Fazira Shafie, Wan Zahari Wan Yusoff, Wan Zahari and Syed Muhammad Dawilah Syed Abdullah. 2014. Islamic real estate management: review on issues and challenges in managing inheritance property in Malaysia. Dalam 7th International Real Estate Research Symposium (IRERS 2014), 29-30 April 2014, National Institute of Valuation (INSPEN), Putrajaya

- Ghazali Ibrahim. 2011. *RM42 Billion Pusaka Belum Dituntut?*. Kuala Lumpur : Inteam Publishing Sdn. Bhd.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram. 1996. *Lisan al-'Arab*. Kaheerah: Dar al-Hadis.
- MY Ahmad & H Laluddin. 2010. *Pengurusan Harta Pusaka: Permasalahan Sikap Masyarakat Islam di Malaysia dan Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam*. *Shariah Law Reports* 4, 30-54.
- SA Hassan & RA Rashid. 2014. The Legal Rights and Duties of Administrators and Executors of Deceased Muslims' Property in Malaysia. *The Social Sciences* 9(2), hh. 98-101
- Wan Abdul Halim Wan Harun. 2016. *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.